Mencuba Exfuze Seven Plus buat pertama kali

Sebelum bulan puasa yang baru lepas, salah seorang rakan telah memperkenalkan satu produk bernama **Seven Plus** kepada aku. Selepas 3 minggu mendapat panggilan pertama dari beliau, aku sempat meluangkan masa untuk berjumpa dengannya.

Beliau memberikan penerangan tentang **Seven Plus** yang mengandungi 7 jenis pemakanan Super Foods di dalamnya. **Seven plus** bukan minuman kesihatan berbentuk jus tetapi ia adalah esktrak dari 7 jenis super foods.

Pertemuan sebelum bulan puasa tersebut berakhir di situ sahaja. Oleh kerana bulan puasa, jadi aku tidak dapat mencuba produk tersebut di sebabkan sibuk dengan tugasan di bulan puasa.

Beberapa hari sebelum hari raya, aku mendapatkan sebotol **Seven Plus** untuk di cuba. Mula-mula aku mencuba minum seven plus selepas makan sahur. Oleh kerana ianya adalah minuman ekstrak jadi sukatan untuk mengambilnya memang sedikit sahaja dan sebotol boleh tahan sebulan.

Rasa macam minum jus anggur atau kalau kanak-kanak dah pasti di katakan ribena. Hari kedua aku berikan kepada semua famili member untuk mencuba. Anak-anak memang suka sebab rasanya seperti ribena. Jadi untuk satu famili memang tidak ada masalah untuk mereka mengambil minuman supplemen Seven plus ini.

Boleh jadi minuman supplemen untuk satu famili sebab semuanya boleh menerima rasa **Seven Plus**.

Khasiat Seven Plus memang banyak sekali. Aku belum sempat membelek kandungan flyer yang di berikan bersama dengan sebotol Seven Plus yang aku cuba. Tapi memang ada banyak

testimoni. Mungkin selepas aku dapatkan info tentang Seven Plus ini akan di tuliskan di dalam blog ini lagi.

Mungkin anda juga boleh mendapatkan manfaat dari khasiat 7 jenis super foods yang terdapat di dalam Seven Plus.

Jumpa lagi di lain post di mana akan saya tuliskan tentang **khasiat dan kebaikan daripada pengambilan Seven Plus.** Mungkin ianya boleh menjadi minuman supplemen atau minuman kesihatan untuk satu keluarga kerana majoriti yang mencuba untuk merasa produk **ekstrak Seven Plus** boleh menerimanya.